

01 JUL 2003

GHANI-PEKAN RABU

PEKAN RABU RM7 JUTA DI JB BUKA PELUANG PENGUSAHA IKS

JOHOR BAHRU, 1 Julai (Bernama) -- Projek penswastaan Pekan Rabu yang menelan belanja RM7 juta di Tampoi di sini akan memberi peluang dan ruang kepada usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) memajukan diri melalui persaingan di kalangan peniaga Bumiputera.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata projek itu yang dijangka siap dalam tempoh 18 bulan diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang mahu supaya setiap negeri mempunyai Pekan Rabu supaya menjadi model usaha niaga orang Melayu.

"Kerajaan menyediakan infrastruktur untuk kemudahan berniaga dan menjadi tanggungjawab usahawan pula untuk berusaha gigih, mendalami ilmu perniagaan supaya maju ke peringkat lebih tinggi," katanya pada majlis memecah tanah projek itu.

Projek penswastaan itu akan diusahakan oleh Kerajaan Negeri, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor dan Syarikat Swissharta Sdn Bhd di atas tanah kerajaan seluas 0.868 hektar.

Bangunan tiga tingkat bercirikan rekabentuk bangunan Melayu itu boleh memberi keceriaan dan daya menarik para pelanggan, katanya, yang menambah bahawa ia akan menjadi pusat sehenti bagi pelbagai produk usahawan IKS Bumiputera.

Abdul Ghani berkata, satu badan pengurusan akan diwujudkan untuk mentadbir perjalanan perniagaan di Pekan Rabu Johor itu untuk memastikan perjalanan perniagaan dan aktiviti yang dilaksanakan memenuhi kriteria dan ciri-ciri Pekan Rabu di Alor Setar, Kedah.

Katanya, mereka yang berniaga di situ dikehendaki menjadi anggota koperasi, mempunyai rekod perniagaan yang cemerlang dan mempunyai daya tahan yang tinggi untuk menghadapi persaingan.

"Para peniaga yang akan ditempatkan di situ akan menjalankan perniagaan berupa makanan Johor, kuih muih tradisional, kain baju, majalah, kraftangan, barangan kemas dan ubat-ubatan," tambahnya. -- BERNAMA

IS MNY AHM